

30/05/1997

Pemuda Pas terkilan gangguan istana

ab

DEWAN Pemuda Pas Pusat terkilan kerana mandat yang diberikan kepada Pas untuk memerintah Kelantan `dipermain-mainkan' oleh golongan istana dan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) melalui campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri.

Ketuanya, Abu Bakar Chik, berkata pihaknya sangat kecewa dengan kerenah birokrasi yang sengaja ditimbulkan untuk menyusahkan rakyat negeri itu.

Menurutnya, pihak terbabit sentiasa menidakkan peranan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar yang bertanggungjawab sepenuhnya mentadbir negeri Kelantan.

"Kebanyakan nasihat serta arahan kerajaan yang ditujukan kepada golongan istana dan birokrat pentadbiran Kelantan kerap dipandang kurang mustahak dan dianggap tidak perlu dipatuhi.

"Keadaan ini menyebabkan Dewan Pemuda Pas berasa terkilan dan mahukan sesuatu dilakukan segera bagi memperbetulkan keadaan," katanya ketika berucap pada Muktamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Pusat Ke-38 di Taman Melewar, dekat sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, Naib Ketua Pemuda, Mohamad Sabu dan 175 perwakilan lain.

Menurutnya, kerajaan Pas Kelantan harus tegas dalam melaksanakan amanah rakyat ketika mentadbir negeri dengan memastikan setiap pihak mematuhi arahan untuk menjaga kepentingan dan menjamin keadilan.

Katanya, penjana kuasa rakyat bermakna mengembalikan hak rakyat dan membela golongan mustadh'afin daripada dizalimi, di samping menentang kemungkaran dan meratakan keadilan.

Sehubungan itu, Abu Bakar berkata senario yang berlaku di Kelantan sejak menjadi satu-satunya negeri yang didokong oleh ulama selepas kemenangan pilihanraya 1990, tidak seharusnya berlaku kerana Pas adalah sebuah gerakan Islam yang disegani di peringkat antarabangsa.

Katanya, peranan Pas di peringkat antarabangsa terbukti apabila ulama mereka menduduki semua muktamar besar yang mewakili kepemimpinan dan umat Islam dunia melalui Muktamar Ulama Sedunia di Lahore, Khartoum dan Istanbul.

Muktamar itu, katanya, menjadi wadah umat Islam untuk berbincang dan merumuskan polisi dan gerak kerja masyarakat Islam di seluruh dunia.

Terdahulu, beliau berkata Pas tidak menolak penguasaan teknologi kerana melaluinya kekuatan ummah mampu digembleng untuk memimpin perubahan dunia.

Begitupun, katanya, projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan berjaya kerana Barisan Nasional tidak akan mampu menepis segala keburukan yang bakal dibawa oleh golongan Yahudi menerusi MSC.

"Ini terbukti apabila semua pengguna MSC diberikan kebebasan mendapatkan maklumat melalui Internet seperti yang terkandung dalam The Ten Bills of Guarantee yang dikeluarkan oleh kerajaan," katanya.

Menurutnya, keadaan menjadi lebih buruk apabila tapisan terhadap internet di peringkat umum tidak dilakukan dan ketetapan-petapannya tidak dinyatakan dalam Undang-undang Siber yang digubal Parlimen, baru-baru ini.

(END)